

MRT Corp beri kontrak RM18 bilion

➔ Nilai sebahagian anggaran kos pembinaan cecah RM32b

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) setakat ini sudah memberikan kontrak bernilai hampir RM18 bilion di bawah projek MRT Laluan 2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Nilai itu adalah sebahagian daripada anggaran kos pembinaan bagi Laluan SSP yang mencecah RM32 bilion, lebih tinggi berbanding Laluan 1 Sungai Buloh-Kajang (SBK) sebanyak RM23 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata pihaknya juga sudah menyerahkan kontrak Laluan 2 bernilai sekurang-kurangnya RM25 juta kepada kontraktor Bumiputera yang disenaraikan di bawah kelas G1 hingga G4.

Malah, katanya, MRT Corp turut melepasi sasaran minimum penyertaan Bumiputera sebanyak 43 peratus yang ditetapkan kerajaan bagi projek Laluan 1.



MRT Corp turut melepasi sasaran minimum penyertaan Bumiputera sebanyak 43 peratus”

Shahril Mokhtar,
Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corp

“Penyertaan Bumiputera bagi projek berkenaan adalah sebanyak 48 peratus atau RM10.5 bilion daripada jumlah keseluruhan RM21 bilion,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis pemeteraian perjanjian persefahaman bagi Program Usahawan Muda MRT dengan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), di Kuala Lumpur, semalam.

Latih 60 graduan Bumiputera

Menerusi program itu, MRT Corp, PUNB dan CIDB akan bekerjasama untuk melatih 60 graduan muda Bumiputera dan membantu mereka menubuhkan syarikat bagi bersaing mendapatkan kontrak MRT.

Sementara itu, MRT Corp menjangka penganugerahan kontrak Laluan SSP bernilai RM10 bilion dapat dilakukan dalam masa

enam bulan ini.

Shahril berkata, pengumuman mengenai kontrak berkenaan yang merangkumi masing-masing dua pakej kerja awam dan pakej sistem berjumlah bernilai RM2.5 bilion dan RM3 bilion, akan dibuat dalam masa dua minggu ini.

“Pakej 210 bagi Laluan SSP yang membabitkan kerja sejauh 2.6 kilometer dari Putrajaya ke pusat bandar Cyberjaya, akan diberikan dalam masa seminggu hingga dua minggu lagi.

“Dengan mengambil kira gabungan Pakej 203 dan Pakej 210, ini bermakna kita sudah menawarkan empat daripada 10 pakej berkenaan,” katanya.

MRT baru-baru ini mengumumkan pelantikan TSR Capital Bhd, bagi kontrak Pakej DPT 203 bernilai RM90 juta membabitkan kerja tanah pembinaan Depot Serdang di bawah projek Laluan 2 MRT Sungai Buloh-Serdang.

BERNAMA